



13 FEB, 2022

Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan kerja dari rumah

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan kerja dari rumah

KUALA TERENGGANU: Kerajaan akan meneliti sama ada terdapat keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR), kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ia susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19 yang kini melebihi kadar 20,000 kes sehari, angkara gelombang Omicron.

Menurut Mohd Zuki, perkara tersebut perlu dibincang dan diputuskan oleh mesyuarat jemaah menteri, sebelum boleh dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat

awam di seluruh negara.

"Saya tak boleh kata apa lagi tentang ini (BDR). Tetapi kita akan teliti sebab perkara ini kena dibincang di peringkat jemaah menteri dan kita akan patuh.

"Tetapi perkara paling mustahak untuk kita (penjawat awam) ialah patuh pada Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19. Ikut arahan yang diberikan pihak berwajib," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Jalinan Kasih Keluarga

Malaysia (Tanggungjawab Sosial Korporat) Jabatan Kastam Diraja Terengganu bersama Ketua Pengarah Kastam dan Ketua Setiausaha Negara, di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas, semalam.

Pada majlis itu seramai 88 asnaf menerima bantuan dalam bentuk bakul makanan, wang tunai dan kerusi roda, yang disumbangkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.- Bernama



BANTUAN... Tan Sri Mohd Zuki Ali menyampaikan bantuan kepada penerima Wan Ruhimah Wan Kassim pada Majlis Jalinan Kasih #Keluarga Malaysia di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas semalam. Turut sama Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Seri Abdul Latiff Abdul Kadir.
• Foto BERNAMA



13 FEB, 2022

Kerajaan teliti keperluan pelaksanaan kerja dari ruraah

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Kerajaan akan meneliti sama ada terdapat keperluan untuk penjawat awam bekerja dari rumah (BDR), kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zu'ki Ali. Ia susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19 yang kini melebihi kadar 20,000 kes sehari, angkara gelombang Omicron. Menurut Mohd Zuki, perkara tersebut perlu dibincang dan diputuskan oleh mesyuarat jemaah menteri, sebelum boleh dilaksanakan kepada 1.4 juta penjawat

awam di seluruh negara. "Saya tak boleh kata apa lagi tentang ini (BDR).